

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 17 MAC 2016 (KHAMIS)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1	Hari Wanita Antarabangsa MOSTI	Utusan Malaysia
2	Nisbah pelajar menengah ambil aliran sains jauh tersasar	Bernamea.com
3	Kaedah tentu aras suhu tertinggi	Harian Metro
4	Usul hadapi gelombang haba	Harian Metro
5	Radar kereta karut	Harian Metro
6	Hot spell to abate by next month	Malay Mail
7	Inter-monsoon season in April will bring reprieve	The Star
8	Guidelines on heatwave	New Straits Times
9	Action plan to tackle heat	The Star
10	Cadangan tubuh jawatankuasa khas mengenai cuaca panas dibawa ke kabinet	Bernamea.com
11	Fenomena El Nino jejaskan pengeluaran dan jadual penanaman padi - MARDI	Bernamea.com
12	Hujan dua jam dinginkan bandar Taiping	Bernamea.com
13	Gempa bumi sederhana landa kepulauan Talaud	Bernamea.com
14	Didakwa boleh sembuh penyakit	Harian Metro

**KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (ALBUM HARI INI) : MUKA SURAT 2
TARIKH: 17 MAC 2016 (KHAMIS)**



HARI WANITA ANTARABANGSA MOSTI

PENASIHAT Pembangunan Keusahawanan dan Ikhtisas Wanita, Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil semasa hadir merasmikan program Hari Wanita Antarabangsa MOSTI: Wanita Dalam Bidang Sains anjuran Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) di Kuala Lumpur, semalam. Turut serta Ketua Setiausaha MOSTI, Datuk Seri Noorul Ainur Mohd. Nur (tiga dari kiri). - UTUSAN/AZLAN HADI ABU BAKAR



Nisbah Pelajar Menengah Ambil Aliran Sains Jauh Tersasar

KUALA LUMPUR, 16 Mac (Bernama) -- Nisbah pelajar peringkat menengah mengambil aliran Sains kini jauh tersasar daripada matlamat yang telah ditetapkan kerajaan.

[Ketua Setiausaha Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi \(MOSTI\) Datuk Seri Noorul Ainur Mohd Nur](#) berkata pada tahun 1967, kerajaan menyasarkan kadar peratusan pelajar aliran Sains berbanding Sastera dengan nisbah 60:40.

"Namun keadaan semakin membimbangkan ketika ini apabila hasil kajian Akademi Sains Malaysia mendapati kita hanya mencapai 20 peratus pelajar aliran Sains dan 80 peratus aliran Sastera," katanya ketika berucap pada Forum Wanita Dalam Sains sempena sambutan Hari Wanita Antarabangsa MOSTI di sini, Rabu.

Majlis itu dirasmikan Penasihat Pembangunan Keusahawanan dan Ikhtisas Wanita di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil.

Beliau berkata minat golongan itu terhadap bidang tersebut perlu dipupuk dan ditingkatkan memandangkan mereka merupakan pelapis pasaran tenaga kerja pada masa hadapan.

Justeru, beliau berharap kementerian dan agensi berkaitan dapat mengadakan usaha sama mewujudkan program yang berkesan bagi memupuk minat masyarakat terhadap bidang sains, teknologi dan inovasi.

Dalam perkembangan berkaitan, Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Akademi Sains Malaysia Hazami Habib berkata golongan pelajar perlu diberi gambaran lebih jelas berhubung jenis pekerjaan dalam bidang sains, teknologi dan inovasi yang boleh mereka ceburi.

"Pelajar ini tak nampak pelbagai kerjaya yang ada dalam bidang sains sebab tak pernah ditonjolkan dan mereka hanya nampak cuma kerjaya profesional seperti peguam, ahli ekonomi dan doktor.

"Mereka tak tahu dalam bidang sains ini ada pelbagai peluang kerjaya contohnya ahli taksonomi (ahli sains pengelasan hidupan) dan di Malaysia setakat ini hanya ada dua orang," katanya.

-- BERNAMA

